

UCAPAN PENGGULUNGAN

Y.B. DATUK RAYMOND TAN SHU KIAH

MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

Pada tahun 2003, Perpustakaan Negeri Sabah menerima peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Perbekalan sejumlah RM13.310 juta bagi meneruskan pengurusan dan perkhidmatan Perpustakaan Negeri Sabah. Pelbagai rancangan yang telah diatur sepanjang tahun telah dilaksanakan mengikut jadual.

Bagi tahun 2004, Perpustakaan Negeri Sabah menerima RM14.335 juta untuk meneruskan pengurusan dan perkhidmatan Perpustakaan Negeri Sabah.

Seiring dengan Dasar Negara bagi Perpustakaan dan perkhidmatan Maklumat serta halatuju Kerajaan Negeri, Perpustakaan Negeri Sabah akan terus mempertingkatkan usaha membangunkan koleksi di seluruh negeri. Penumpuan akan diberikan pada sektor pelancongan, pertanian dan perusahaan. Dengan ini peruntukan pembelian koleksi sejumlah RM2.0 juta akan dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Masyarakat bermaklumat perlu menjadi masyarakat yang belajar sepanjang hayat tanpa mengira dimana mereka berada, setiap individu mestilah secara berterusan mendapatkan kemahiran baru dan menyertai kursus pendidikan. Dalam ekonomi global masakini, ilmu pengetahuan merupakan sumber utama dan kualiti sumber manusia adalah sangat kritikal untuk memastikan daya persaingan. Dengan itu, Perpustakaan Negeri Sabah juga akan memberi tumpuan kepada aspek sumber manusia dengan memberi latihan yang berterusan, motivasi dan menggalakkan pengambilan kursus agar kakitangan lebih bersemangat dan dedikasi dalam menjalankan tugas mereka.

Pertambahan, kepelbagaian sumber dan penambahbaikan secara berterusan kemudahan yang boleh disampaikan oleh rangkaian perpustakaan berupaya membentuk teras gedung ilmu yang membolehkan perpustakaan terkecil dan terpencil untuk menawarkan perkhidmatan seperti perpustakaan besar serta menyediakan akses samarata kepada maklumat tempatan dan global. Pada tahun 2004, Perpustakaan Negeri Sabah akan memperluaskan perkhidmatannya melalui Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Negeri dan Pendigitan Sumber Ilmu Negeri disamping mempertingkatkan perkhidmatan Maklumat Perniagaan. Perluasan dan peningkatan perkhidmatan ini diharapkan

dapat menyumbang kearah pengwujudan masyarakat berilmu kerana berdasarkan pada kajian mengenai negara membangun yang kaya maklumat dan mempraktik budaya membaca, sifat yang begitu ketara pada rakyatnya adalah masyarakat yang membaca, mementingkan data dan dokumentasi, kesediaan berkongsi sumber serta menghargai pendidikan yang berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat

Perpustakaan Negeri Sabah akan terus menjalankan promosi dan aktiviti . Ini termasuklah aktiviti mengadakan pameran, Bulan Membaca, Minggu Galakan Bahasa Kadazandusun, Program Galakan Membaca untuk golongan remaja, aktiviti kanak-kanak, sudut elektronik kanak-kanak. Ulasan buku terbaru di perpustakaan juga akan dibuat dan akan dimuatkan diakhbar-akhbar tempatan dan nasional.

Rakan Perpustakaan atau 'Friends of the Library' juga akan dilaksanakan dan adalah diharapkan melalui jawatankuasa ini ianya akan menyumbang kearah pembangunan koleksi yang memenuhi keperluan pengguna dan perkhidmatan maklumat yang berkualiti. Perpustakaan Negeri Sabah juga akan meneruskan perkhidmatan Khidmat Nasihat pengwujudan perpustakaan di agensi-agensi Kerajaan.

Bagi tahun 2004, sejumlah RM7.780 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk membiayai program pembangunan. Anggaran ini jelas

menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan perpustakaan diseluruh negeri.

Peruntukan pembangunan ini akan digunakan untuk penyiapan Aras 1 dan 3 Bangunan Ibu Pejabat Perpustakaan Negeri Sabah dan Pusat Maklumat. Sehingga kini Aras 2 telahpun siap sepenuhnya dan sebahagian daripada perkhidmatan akan berpindah ke bangunan ini pada akhir tahun ini. Perkhidmatan ini termasuklah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat, Sumber Media dan Perkhidmatan IT.

Selain daripada penyiapan Aras 1 dan 3, projek pembinaan bangunan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Ranau akan dimulakan. Anggaran kos projek yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri ialah RM4.5 juta dimana pada tahun 2004 sejumlah RM2.0 juta diluluskan.

Pada tahun 2004 juga, sejumlah RM560 ribu diluluskan bagi maksud pengwujudan 7 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu. Pengwujudan Perpustakaan Desa Siber Ilmu didapati amat penting dan memanfaatkan masyarakat desa terutama sekali dengan adanya kemudahan komputer yang disediakan. Dengan keprihatinan yang diberi oleh Kerajaan maka masyarakat di desa tidak akan terpinggir dalam mengakses maklumat secara global dengan penggunaan teknologi masakini.

Pada tahun 2004, sejumlah RM220 ribu diluluskan bagi maksud pelaksanaan perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Multimedia di Daerah Tuaran. Perkhidmatan ini juga telah dinaiktaraf dimana van perpustakaan dilengkapi dengan kemudahan komputer. Dengan kemudahan ini sudah tentu ia akan lebih bermanfaat khususnya kepada golongan pelajar di luar bandar kerana pelajar bukan sahaja berpeluang merujuk dan meminjam buku yang berkualiti tetapi juga akan dapat mengakses maklumat melalui komputer secara global dan efektif. Perkhidmatan ini akan diketuai oleh kakitangan yang mahir dalam teknologi maklumat (ICT) dimana ianya juga memberi tunjuk ajar penggunaan IT kepada pelajar.

Selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, Perpustakaan Negeri Sabah juga mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Perpustakaan Negara Malaysia. Pada tahun 2004, Perpustakaan Negeri Sabah menerima peruntukan pembangunan bagi maksud pembinaan bangunan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Semporna, Perpustakaan Desa Siber Ilmu dan Perpustakaan Bergerak Multimedia.